

---

**ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY (MALAYSIA) BERHAD 200601015674 (735426-V)**

**Menara Allianz Sentral, 203 Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur**

**POLISI INDUK INSURANS KEMALANGAN DIRI BERKUMPULAN (SKIM)  
ALLIANZ PERLINDUNGANKU/POS PERLINDUNGANKU**

**NO. POLISI: .....**

**BAHAWASANYA Pemegang Polisi** yang dinyatakan di dalam **Polisi Induk**, di sini melalui permohonan dan pengisytiharan yang akan menjadi asas bagi kontrak ini dan akan dianggap telah dimasukkan di dalam ini, telah memohon kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** (selanjutnya disebut "**Syarikat**") bagi insurans yang terkandung di sini dan **Orang Yang Diinsuranskan** telah membayar atau bersetuju untuk membayar kepada **Syarikat** premium yang dinyatakan dalam **Pengesahan Perlindungan** sebagai balasan bagi insurans tersebut bagi tempoh yang dinyatakan disini.

**MAKA POLISI INSURANS INI MENJADI SAKSI** bahawa sekiranya semasa dalam **Tempoh Insurans**, apa-apa **Kemalangan** yang semata-mata dan bebas dari sebab lain, mengakibatkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, atau menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rawatan perubatan dan/atau **Hospital** seperti yang ditentukan selanjutnya, tertakluk kepada terma, pengecualian, proviso dan syarat-syarat dan diendorskan pada **Polisi Induk** ini, **Syarikat** akan membayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang sejumlah wang seperti yang dinyatakan dalam **Pengesahan Perlindungan** atau sesuai dengan faedah di sini.

## BAHAGIAN 1 – FAEDAH

Faedah berikut akan dibayar sehingga **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Jadual Faedah menurut pelan **Orang Yang Diinsuranskan** dan tertakluk pada terma dan syarat **Polisi Induk** ini.

Jadual 1 - Jadual Faedah

| Faedah                                                                  | Pelan 1                        | Pelan 2                        |
|-------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
|                                                                         | Jumlah Yang Diinsuranskan (RM) | Jumlah Yang Diinsuranskan (RM) |
| Kematian atau Hilang Upaya Kekal                                        | 20,000                         | 25,000                         |
| Pendapatan Hospital<br>(sehingga maksimum tiga puluh (30) hari setahun) | 50 setiap hari                 | 100 setiap hari                |

### A. KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA KEKAL

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang menyebabkan kematian atau **Hilang Upaya Kekal** pada **Orang Yang Diinsuranskan** yang berlaku dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari **Tarikh Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar faedah kematian atau **Hilang Upaya Kekal**, mana-mana yang berkenaan, mengikut peratusan **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Faedah.

| Jadual 2 – Skala Faedah                                                         |                               | Peratusan (%)<br>Jumlah Yang Diinsuranskan |
|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------------|
| (i) Kematian                                                                    |                               | 100%                                       |
| (ii) Hilang Upaya Kekal                                                         |                               | 100%                                       |
| Hilang dua anggota tangan atau kaki                                             |                               | 100%                                       |
| Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari              |                               | 100%                                       |
| Hilang penglihatan kedua-dua mata                                               |                               | 100%                                       |
| Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah                                           |                               | 100%                                       |
| Kecederaan yang mengakibatkan Orang Yang Diinsuranskan terlantar kekal di katil |                               | 100%                                       |
| Hilang tangan dari bahu                                                         |                               | 100%                                       |
| Hilang tangan di antara bahu dengan siku                                        |                               | 100%                                       |
| Hilang tangan dari siku                                                         |                               | 100%                                       |
| Hilang lengan di antara siku dan pergelangan tangan                             |                               | 100%                                       |
| Hilang tangan dari pergelangan tangan                                           |                               | 100%                                       |
| Hilang kaki                                                                     | - di pinggul                  | 100%                                       |
|                                                                                 | - di antara lutut dan pinggul | 100%                                       |

|                                                           |   |                                   |      |
|-----------------------------------------------------------|---|-----------------------------------|------|
|                                                           | - | di bawah lutut                    | 100% |
| Mata : Hilang                                             | - | keseluruhan penglihatan           | 100% |
|                                                           | - | semua penglihatan di sebelah mata | 100% |
| Hilang Pendengaran Kekal kedua-dua telinga dan pertuturan |   |                                   | 100% |

Sekiranya jumlah seratus peratus (100%) dari **Jumlah Yang Diinsuranskan** telah dibayar selama **Tempoh Insurans**, semua insurans di bawah **Pengesahan Perlindungan Orang Yang Diinsuranskan** akan terhenti serta merta dan setelah **Jumlah Yang Diinsuranskan** dibayar, kewajiban **Syarikat** dibawah **Pengesahan Perlindungan** yang relevan akan dilepaskan sepenuhnya.

## B. PENDAPATAN HOSPITAL

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rawatan di **Hospital** Kerajaan di Malaysia akibat **Kemalangan** atau **Penyakit**, **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** faedah harian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 – Jadual Faedah menurut pelan **Orang Yang Diinsuranskan** bagi tempoh dimasukkan ke **Hospital**, sehingga hingga maksimum tiga puluh (30) hari untuk **Tempoh Insurans**. Faedah ini hanya dicetuskan jika:

- (a) **Orang Yang Diinsuranskan** dirawat di dalam **Hospital** lebih daripada dua belas (12) jam disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit**; dan
- (b) **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke **Hospital** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

Tempoh berturut-turut di **Hospital** yang disebabkan oleh sebab yang sama akan dianggap sebagai akibat dari satu (1) **Kemalangan** atau **Penyakit** dan oleh demikian, tempoh tiga puluh (30) hari yang sama untuk pembayaran faedah harian akan terpakai untuk tempoh kemasukan ke **Hospital** berturut-turut.

## PART 2 – SYARAT-SYARAT

### 1. SYARAT TERDAHULU BAGI LIABILITI

Pematuhan dan pemenuhan terma dan syarat **Polisi Induk** ini selaras dengan apa yang perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Syarikat** di bawah **Polisi Induk** ini.

---

## 2. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah **Polisi Induk** ini oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang harus dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat**.

## 3. KELAYAKAN

**Orang yang Diinsuranskan** mestilah warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia, berumur antara lapan belas (18) tahun hingga lima puluh sembilan (59) tahun.

Umur yang disebut dalam **Polisi Induk** ini merujuk pada usia pada hari lahir yang lalu.

## 4. PENUKARAN ALAMAT ATAU BUTIRAN

**Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberi notis bertulis dengan segera kepada **Syarikat** sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada nama, alamat rumah atau alamat perniagaannya.

## 5. PERUBAHAN PELAN

**Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh menukar plan yang dipilih untuk **Polisi** ini semasa **Tempoh Insurans**. Sebarang perubahan plan yang diminta oleh **Orang Yang Diinsuranskan** hanya akan berkuatkuasa dari pembaharuan seterusnya.

## 6. PINDAAN

**Syarikat** berhak untuk mengubah terma dan syarat **Polisi Induk** ini dan perubahan pada **Polisi Induk** ini hanya akan berlaku jika dibenarkan oleh **Syarikat** dan disahkan di bawah **Polisi Induk** ini.

**Syarikat** akan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelumnya kepada **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut alamat terakhir yang direkodkan sebelum sebarang pindaan berlaku. Sebarang perubahan akan berlaku dari pembaharuan **Polisi Induk** ini yang seterusnya.

## 7. TUNTUTAN

### (a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah diberikan secara bertulis kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

**Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan dalam masa yang munasabah untuk pemeriksaan **Syarikat** dan berkerjasama dengan

---

**Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**. Notis tuntutan bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** ke ibu pejabat atau mana-mana pejabat cawangan **Syarikat** di Malaysia atau kepada mana-mana ejen yang diberi kuasa **Syarikat** akan dianggap sebagai notis kepada **Syarikat**.

**(b) Bukti Kerugian**

Bukti kerugian bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis dan bukti lain seperti yang dikehendaki untuk menyokong tuntutan itu, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan dan tidak mengurangkan sebarang tuntutan sekiranya mustahil untuk **Orang Yang Diinsuranskan** memberikan bukti dalam masa yang ditetapkan dengan syarat bukti sedemikian perlu diberikan secepat mungkin dan dalam apa keadaan pun, kecuali jika tiada keupayaan dari segi undang-undang, selewat-lewatnya satu (1) tahun dari masa bukti tersebut dikehendaki.

Semua dokumen dan bukti yang disediakan adalah atas perbelanjaan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau orang yang layak menerima wang melalui **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut mana yang berkenaan ("**Penuntut**") dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh **Syarikat**.

## **8. TEMPOH BERTENANG**

**(a) Perlindungan individu yang dikeluarkan kepada penerima baucar di bawah Inisiatif Perlindungan Tenang**

Sekiranya perlindungan di bawah **Polisi Induk** ini telah dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang telah membayar premium menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang ("**PBPT**"), dan **Orang yang Diinsuranskan** memutuskan untuk tidak mengambil perlindungan ini dengan apa-apa pun alasan, **Orang Yang Diinsuranskan** boleh menulis kepada **Syarikat**, tertakluk kepada Syarat 8(c), untuk membatalkan perlindungannya dengan syarat permintaan pembatalan tersebut disampaikan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** kepada **Syarikat** dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** mula berkuatkuasa ("**Tempoh Bertenang**"). Dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat, **Orang Yang Diinsuranskan** berhak mendapat bayaran balik **Amaun Premium Wajib** yang disumbangkan tetapi baki amaun baucar akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk mengurus dan menyerahkan wang premium yang dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** menggunakan baucar kepada pihak syarikat insurans.

---

**(b) Perlindungan individu yang dikeluarkan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang membayar tunai**

Sekiranya perlindungan di bawah **Polisi Induk** ini telah dikeluarkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang telah membayar premium menggunakan wang tunai atau cara lain selain dari baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT** (seperti yang disediakan oleh **Syarikat**), dan **Orang Yang Diinsuranskan** memutuskan untuk tidak mengambil perlindungan ini dengan apa-apa pun alasan, **Orang Yang Diinsuranskan** boleh menulis kepada **Syarikat**, tertakluk kepada Syarat 8(c), untuk membatalkan perlindungannya dengan syarat permintaan pembatalan tersebut disampaikan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** kepada **Syarikat** semasa **Tempoh Bertenang**. **Orang Yang Diinsuranskan** berhak mendapat pengembalian wang premium sepenuhnya dengan syarat tidak ada tuntutan yang dibuat.

**(c) Tiada pembatalan sekiranya terdapat tuntutan semasa Tempoh Bertenang**

Walau bagaimanapun, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** membuat tuntutan pada bila-bila masa semasa **Tempoh Bertenang**, **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut tidak berhak untuk membatalkan perlindungannya dalam **Tempoh Bertenang** yang sama.

## **9. PEMBAHARUAN POLISI**

**Polisi Induk** ini dikeluarkan secara lima tahun yang boleh diperbaharui dan boleh diperbaharui untuk jangka masa berikutnya, tertakluk kepada persetujuan **Syarikat**.

## **10. PERLINDUNGAN ORANG YANG DIINSURANSKAN**

Perlindungan insurans bagi **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi Induk** ini iaitu **Tempoh Insurans** akan tertera di dalam **Pengesahan Perlindungan** dan adalah untuk tempoh satu (1) tahun.

## **11. BAYARAN PREMIUM**

- (a) Premium yang perlu dibayar bagi perlindungan di bawah **Polisi Induk** ini boleh dibayar melalui baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT** atau wang tunai atau cara lain selain daripada baucar, seperti yang disediakan oleh **Syarikat**.
- (b) Premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh **Syarikat** sebelum perlindungan bermula, jika tidak, perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan ditamatkan secara automatik dan tidak sah.
- (c) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memilih untuk menggunakan baucar untuk membayar premium, perkara-perkara berikut akan terpakai:
  - (i) **Orang Yang Diinsuranskan** dikehendaki membayar **Amaun Premium Wajib** kepada **Syarikat**;
  - (ii) perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan bermula satu (1) hari selepas **Syarikat**

---

mengesahkan kelayakan **Orang Yang Diinsuranskan** untuk baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT** dan **Syarikat** berjaya menebus baucar itu dari portal **PTBP** yang berkenaan bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan**, selaku dengan terma dan syarat **PBPT**.

- (d) Sekiranya baucar di bawah **PBPT** digunakan untuk membayar jumlah premium yang kurang daripada amaun baucar, sebarang baki amaun baucar tersebut tidak akan dibayar balik kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.
- (e) Jika penebusan tersebut tidak berjaya, perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan ditamatkan secara automatik selaku dengan Syarat 12(c) (Penamatan Perlindungan Individu Secara Automatik).

## 12. PENAMATAN INSURANS

### (a) Penamatan oleh Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan

Jika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi Induk** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh **Syarikat** atau pada tarikh yang ditetapkan dalam notis itu, mana-mana yang kemudian. Walaupun **Polisi Induk** ini ditamatkan oleh **Pemegang Polisi**, perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang wujud pada tarikh penamatan **Polisi Induk** ini akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya **Tempoh Insurans**.

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan perlindungan individu di bawah **Polisi Induk** ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tamatnya **Tempoh Insurans** tanpa mengira tarikh notis diterima atau tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Bayaran premium yang akan dibayar tidak akan dikembalikan dan perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** akan berakhir pada tarikh terakhir **Tempoh Insurans**.

### (b) Penamatan Oleh Syarikat

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Polisi Induk** ini atau mana-mana perlindungan individu dibawah **Polisi Induk** ini, mana-mana yang berkenaan, menurut Syarat 19 (Salah Nyataan Atau Peninggalaan Fakta Penting) atau atas perintah pihak berkuasa atau pihak kerajaan, **Syarikat** akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, di alamat terakhirnya di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Dengan syarat bahawa tiada tuntutan yang dibuat semasa **Tempoh Insurans** berlanjutan dan pengembalian premium tidak dilarang oleh undang-undang, sekiranya premium telah dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk jangka masa yang melebihi tarikh penamatan **Polisi Induk** ini atau perlindungan individu di bawah **Polisi Induk** ini, mana-mana yang berkenaan:

- 
- (i) menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT**, premium pro-rata akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk menguruskan **PBPT**; atau
  - (ii) menggunakan wang tunai atau cara lain selain baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT**, premium pro-rata akan dikembalikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut.

**(c) Penamatan Perlindungan Individu Secara Automatik**

Perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** akan luput/tamat apabila belakunya salah satu perkara yang berikut, mana-mana yang terdahulu:

- (i) pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir **Tempoh Insurans**; atau
- (ii) apabila **Orang Yang Diinsuranskan** mencapai umur enam (60) tahun.

Jika premium dibayar menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT** dan penebusan baucar tersebut tidak berjaya, perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** akan ditamatkan secara automatik dari tarikh perlindungan mula berkuatkuasa. **Orang Yang Diinsuranskan** berhak mendapat bayaran balik **Amaun Premium Wajib** yang disumbangkan tetapi baki amaun baucar akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk menguruskan **PBPT**.

### **13. MATA WANG DAN KADAR TUKARAN**

Semua premium perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami sebarang kerugian di luar Malaysia dan membuat bayaran dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, **Syarikat** akan membayar pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran yang disebut (yakni kadar pasaran terbuka, tetapi jika pasaran terbuka itu bukan pasaran bebas, maka tarif rasmi hendaklah digunakan) pada **Tarikh Kemalangan**.

### **14. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI**

**Polisi Induk** ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk mendapatkan semula pampasan di bawah **Polisi Induk** ini sebelum tamat tempoh **enam puluh (60) hari** selepas bukti kerugian secara bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Polisi Induk** ini.



---

## 15. PENERIMAAN

Tertakluk kepada proviso di bawah, penerimaan apa-apa pampasan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang, mana-mana yang berkenaan, yang dibayar di bawah **Polisi Induk** ini akan melepaskan dan menunaikan semua liabiliti **Syarikat**.

Dengan syarat bahawa di mana **Orang Yang Diinsuranskan** memberi arahan kepada **Syarikat** untuk membayar tuntutan kematian di bawah Faedah A (Kematian) dalam Bahagian 1 di atas kepada individu pilihannya dengan menyediakan maklumat berkaitan individu seperti yang dikehendaki oleh **Syarikat** semasa hayat **Orang Yang Diinsuranskan**, **Syarikat** akan membayar tuntutan kematian kepada individu tersebut. Pembayaran yang dibuat dan penerimaan oleh individu yang berkenaan akan melepaskan **Syarikat** dari sebarang tanggungjawab di bawah **Polisi Induk** ini mengenai pembayaran hasil tuntutan kematian.

## 16. HAD WILAYAH

**Polisi Induk** ini memberikan perlindungan di seluruh dunia kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

## 17. KEBENARAN MENGGUNAKAN DATA PERIBADI

- (a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain kepada **Syarikat**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain bersetuju bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran **Polisi Induk** ini) mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di [allianz.com.my](http://allianz.com.my).
- (b) **Peraturan Perlindungan Data Umum ("General Data Protection Regulation" atau "GDPR")**  
Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuranskan** ingin menggunakan hak **GDPR** mereka, **Pemegang Polisi** akan memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di [privacy@allianz.com.my](mailto:privacy@allianz.com.my) agar **Syarikat** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

---

## 18. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

### (a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans ini **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajiban mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Syarikat** dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

### (b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui adalah berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(c) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Syarikat**, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

## 19. SALAH NYATAAN ATAU PENINGGALAN FAKTA PENTING

Tertakluk kepada kewajiban pendedahan **Orang Yang Diinsuranskan**, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang salah nyata atau jika fakta material tertinggal dari borang cadangan. Sekiranya ada tuntutan yang dibuat adalah penipuan atau keterlaluan, atau jika ada pengisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat**

---

berhak menolak atau mengurangkan tuntutan tersebut atau menghentikan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan.

## 20. CUKAI BERKENAAN

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai “**Cukai Berkenaan**”) diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Polisi Induk** ini, **Syarikat** berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam **Polisi Induk** ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

## 21. HAD SEKATAN DAN KLAUSA PENGECUALIAN

Tiada syarikat insurans/syarikat insurans bersama dianggap sebagai memberikan perlindungan dan tiada syarikat insurans/syarikat insurans bersama bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa faedah dibawah ini, di mana pembayaran tuntutan atau provisi untuk faedah berkaitan akan mendedahkan syarikat insurans/syarikat insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

## BAHAGIAN 3 – PENGECUALIAN

**Polisi Induk** ini tidak melindungi kematian atau sebarang **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, atau yang berhubung dengan mana-mana yang berikut:

- (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, aktiviti jenayah atau pengganas permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa;
- (b) Tidak siuman, membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), mencederakan diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- (c) Ketoksikan melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
- (d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);

- 
- (e) **Penyakit Wajib Dilaporkan** yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang;
  - (f) Kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang timbul daripadanya kecuali semata-mata disebabkan oleh **Kemalangan**;
  - (g) pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
  - (h) Ketika dalam perjalanan di dalam kapal terbang yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai seorang ahli kakitangan penerbangan;
  - (i) Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;
  - (j) Ketika menyertai sebarang sukan profesional;
  - (k) Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
  - (l) Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), pace-making, ujian mengukur kelajuan atau ketahanan;
  - (m) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
  - (n) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

## BAHAGIAN 4 – DEFINISI

**KEMALANGAN** bermaksud sebarang peristiwa yang tiba-tiba atau tidak diduga akibat secara langsung dan bebas dari tindakan punca luaran, selain daripada akibat perbuatan **Kecederaan** diri yang disengajakan.

**PENGESAHAN PERLINDUNGAN** bermaksud pengesahan yang dikeluarkan oleh **Syarikat** kepada **Orang Yang Diinsuranskan** untuk mengesahkan perlindungan dibawah **Polisi Induk** ini dan perkara-perkara lain yang berkaitan termasuk faedah-faedah, **Jumlah Yang Diinsuranskan** dan **Tempoh Insurans**.

**TARIKH KEMALANGAN** bermaksud tarikh ketika salah satu daripada **Kecederaan** dan mana-mana kejadian lain yang dilindungi berlaku; dialami; dan/atau dijangkiti oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

**TEMPOH BERTENANG** bermaksud tempoh lima belas (15) hari dari tarikh perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi Induk** ini mula berkuatkuasa, di mana **Orang Yang Diinsuranskan** boleh meminta agar perlindungannya dibatalkan dengan syarat tiada sebarang tuntutan dibuat semasa tempoh tersebut, seperti yang tertera di Syarat 8 (**Tempoh Bertenang**).

**HOSPITAL** bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai **Hospital** untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit berbayar yang berada di katil, dan yang:

- 
- (a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
  - (b) menyediakan khidmat jagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan bersiswazah;
  - (c) di bawah penyeliaan **Pengamal Perubatan**; dan
  - (d) bukan klinik; tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah; pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

**KECEDERAAN** bermaksud **Kecederaan** anggota badan yang dialami di mana-mana tempat di dunia disebabkan semata-mata oleh **Kemalangan** dan bukan disebabkan oleh penyakit, wabak penyakit atau kelunturan fizikal atau mental secara beransur-ansur yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**.

**ORANG YANG DIINSURANSKAN** bermaksud individu yang merupakan pelanggan **Pemegang Polisi** sebagaimana yang lebih dijelaskan dalam **Pengesahan Perlindungan**.

**PENYAKIT** bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**.

**AMAUN PREMIUM WAJIB** bermaksud amaun yang berkaitan yang membentuk sebahagian daripada jumlah premium yang perlu dibayar untuk perlindungan di bawah **Polisi Induk** ini, seperti yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kewangan Malaysia atau pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan, yang perlu dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** jika baucar yang dikeluarkan di bawah **PBPT** digunakan.

**POLISI INDUK** bermaksud kontrak polisi ini termasuk **Polisi, Jadual, Pengesahan Perlindungan** dan semua endorsan.

**PENGAMAL PERUBATAN** bermaksud **Pengamal Perubatan** berdaftar yang diberikan lesen oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan diberikan dan beliau sedang mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihan beliau, tetapi bukan **Pengamal Perubatan** yang merupakan **Orang Yang Diinsuranskan** itu sendiri.

**PENYAKIT WAJIB LAPOR** bermakna **Penyakit** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang disebabkan daripada pandemik influenza dan sebarang penyakit lain yang telah diisytiharkan sebagai pandemik atau wabak atas perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf.

**TEMPOH INSURANS** bermaksud tempoh **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Pengesahan Perlindungan**, tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian dalam **Polisi Induk** ini.

**HILANG UPAYA KEKAL** bermaksud keadaan yang dijelaskan di bawah item (ii) jadual di Faedah A (Kematian atau **Hilang Upaya Kekal**) di bawah Bahagian 1 - Faedah yang telah disahkan oleh **Pengamal Perubatan**.

**PROGRAM BAUCAR PERLINDUNGAN TENANG ATAU "PBPT"** bermaksud program baucar yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk memberikan bantuan dengan cara mengeluarkan baucar

---

kepada individu yang berada dalam klasifikasi pendapatan B40 untuk membeli perlindungan insurans/takaful di bawah inisiatif Perlindungan Tenang.

**PEMEGANG POLISI** bermaksud orang atau badan korporat seperti yang dijelaskan dalam **Jadual** untuk mana **Polisi** ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan**.

**JADUAL** bermaksud dokumen yang dikeluarkan untuk **Pemegang Polisi** menurut **Polisi Induk** ini.

**JUMLAH YANG DIINSURANSKAN** bermaksud jumlah yang diinsuranskan atau jumlah faedah yang harus dibayar seperti yang dinyatakan dalam **Pengesahan Perlindungan**.

---

## SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

| Faedah                      | Dokumen                                                                                    |
|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kematian/Hilang Upaya Kekal | 1 Laporan perubatan dan/atau sjil kematian;                                                |
|                             | 2 Laporan Pos-Mortem;                                                                      |
|                             | 3 Lesen memandu dan Laporan Polis (sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memandu/penunggang); |
|                             | 4 Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap.                                                |
| Pendapatan Hospital         | 1 Lesen memandu dan Laporan Polis (sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memandu/penunggang); |
|                             | 2 Nota atau ringkasan kemasukan/keluar dari Hospital;                                      |
|                             | 3 Laporan perubatan                                                                        |
|                             | 4 Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap.                                                |

Senarai semak ini tidak lengkap. **Syarikat** berhak untuk memohon sebarang dokumen yang relevan sebagaimana yang mungkin terpakai dan munasabah untuk menyokong tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**/Penuntut di atas perbelanjaan **Orang Yang Diinsuranskan**/Penuntut.

### NOTIS PENTING

#### PERLINDUNGAN POLISI DAN PEMBAYARAN PREMIUM

Adalah syarat **Polisi Induk** ini bahawa premium yang perlu dibayar untuk perlindungan di bawah **Polisi Induk** mesti dibayar sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipenuhi, maka perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi Induk** ini akan dianggap batal dari permulaan.

## Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.

Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

### Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

### Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

### OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)

 [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

### Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

### Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat 4, Blok D, Bangunan AICB, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

 [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)